

Dr. M kecewa perkongasian pintar gagal

Um - 3/8/2005

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kecewa dengan perkongasian pintar yang tidak berlaku di antara orang Melayu dan Cina dalam bidang perniagaan.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, bapanya berharap Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan dari tahun 1971 hingga 1990 serta Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dapat memupuk perkongasian kepakaran perniagaan antara orang Cina dengan Melayu.

“Orang Cina merupakan kumpulan yang paling maju serta membangun di negara ini, oleh itu wajar mengadakan perkongasian pintar dengan orang Melayu agar tidak ketinggalan jauh.

“Malangnya perkara ini tidak berlaku dengan orang Cina terus maju dalam bidang perniagaan manakala orang Melayu masih terkapai-kapai untuk membangunkan diri dalam bidang perniagaan,” katanya.

Mukhriz berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Tun Dr. Mahathir: Mengurus Tadbir Urus dan Pembangunan di Abad ke-21: Perkongasian Pintar dalam Pembangunan* pada Persidangan Antarabangsa Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) di sini hari ini.

Tambah beliau, Dr. Mahathir percaya sekiranya perkongasian pintar berjaya dilaksanakan, orang Melayu akan dapat mencapai sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti dalam DEB.

Mengenai perkongasian pintar di negara-negara membangun, Mukhriz berkata, Dr. Mahathir mahu mewujudkan keadaan di mana orang Malaysia dapat diterima dengan baik ke mana sahaja mereka pergi.

“Kalau kita lihat sebelum ini pasport antarabangsa Malaysia mencatatkan beberapa negara yang tidak boleh dilawati oleh rakyat negara ini tetapi sekarang ini hanya Israel sahaja tidak boleh dilawati.

“Keadaan ini kerana Dr. Mahathir percaya sekiranya Malaysia mempunyai perkongasian pintar dengan negara-negara lain, rakyat dan negara ini akan mendapat sokongan antarabangsa apabila keadaan memerlukan.

Malangnya, apabila suasana, hubungan dan perkongasian pintar dapat dijalankan dengan negara-negara lain, rakyat Malaysia tidak mengambil peluang sewajarnya,” katanya,” katanya.

Malaysia mempunyai perkongasian pintar dengan banyak negara seperti Qatar, Bosnia Herzegovina dan Lebanon tetapi tidak banyak syarikat orang Melayu menjalankan perniagaan di negara tersebut.